



# PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) – SOP FASA 1

TARIKH KEMAS KINI: 16 JULAI 2021

## Aktiviti Dibenarkan

- Sektor Perkhidmatan Perlu yang dibenarkan.
- Membeli atau mendapatkan barang keperluan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan.

## Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Pergerakan rentas daerah dalam kawasan PPN dan rentas negeri lain tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PPN tanpa kebenaran PDRM.
- Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuat Kuasa

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan

Bersyarat

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

Aktiviti	Penerangan Ringkas
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti dan perkhidmatan di semua lapangan terbang dan pelabuhan <b>dibenarkan</b> beroperasi.</li> <li>• Aktiviti pemunggahan melibatkan barangan <i>non-essential</i> di kilang - kilang terhad kepada penghantaran dan penerimaan barangan atau kargo dalam simpanan stok (<i>stockpile</i>) sedia ada dengan tujuan import dan eksport sahaja dengan jumlah pekerja yang terhad. Waktu pemunggahan adalah dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam pada Isnin, Rabu dan Jumaat.</li> <li>• Aktiviti pemunggahan melibatkan barangan <i>essential</i> tidak tertakluk kepada sekatan ini dan berjalan seperti biasa.</li> <li>• Perkhidmatan pengangkutan awam laut dan darat seperti pengangkutan pekerja, bas henti-henti, bas ekspres, LRT, MRT, ERL, Monorel, feri dan lain-lain pengangkutan awam <b>dibenarkan</b> beroperasi berdasarkan 50% kapasiti kenderaan (waktu operasi dan frekuensi tertakluk kepada Kementerian Pengangkutan).</li> <li>• Pergerakan bagi kes kematian dan bencana alam <b>dibenarkan</b> setelah mendapatkan kebenaran daripada PDRM.</li> <li>• Pergerakan bantuan bencana atau kemanusiaan oleh NGO perlu mendapatkan kebenaran dari Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri atau Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah di kawasan yang terjejas dengan bencana dan bantuan tersebut disalurkan melalui Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) di kawasan tersebut.</li> <li>• Pergerakan merentas daerah dan negeri bagi tujuan vaksinasi COVID-19 di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di luar daerah atau negeri tempat tinggal <b>dibenarkan</b> dengan menunjukkan butiran janji temu di aplikasi MySejahtera, laman sesawang atau SMS.</li> <li>• Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri <b>dibenarkan</b> merentas negeri dan daerah untuk melawat kawasan masing-masing tanpa melaksanakan sebarang majlis.</li> <li>• Rentas negeri dan daerah <b>tidak dibenarkan</b> bagi pasangan suami isteri jarak jauh.</li> <li>• Pergerakan bagi Pelawat Perniagaan Jangka Pendek di bawah kelulusan <i>Inisiatif One Stop Centre</i> (OSC) untuk tujuan rasmi atau perniagaan <b>dibenarkan</b> setelah mendapat kebenaran PDRM.</li> </ul>



# PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) – SOP FASA 2

TARIKH KEMAS KINI: 16 JULAI 2021

<h3>Aktiviti Dibenarkan</h3> <ul style="list-style-type: none"> <li>Sektor Perkhidmatan Perlu yang dibenarkan.</li> <li>Membeli atau mendapatkan barang keperluan.</li> <li>Mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan.</li> <li>Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan.</li> </ul>
<h3>Aktiviti Tidak Dibenarkan</h3> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pergerakan rentas daerah dalam kawasan PPN dan rentas negeri lain tanpa kebenaran PDRM.</li> <li>Pergerakan keluar dan masuk kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM.</li> <li>Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.</li> </ul>
<h3>Arahan Tetap</h3> <ul style="list-style-type: none"> <li>Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.</li> <li>Akta 342.</li> <li>Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.</li> <li>Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.</li> <li>Arahan dan peraturan di bawah PBT.</li> <li>Tertakluk kepada laporan <i>Hotspot Identification for Dynamic Engagement</i> (HIDE) dan penilaian risiko KKM.</li> <li>Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.</li> </ul>

<b>Waktu Berkuat Kuasa</b>	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas	<b>Waktu Aktiviti Dibenarkan</b>	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas	<b>Pergerakan</b>	Bersyarat
----------------------------	--	----------------------------------	--	-------------------	-----------

AKTIVITI DAN PROTOKOL	
Aktiviti	Penerangan Ringkas
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti dan perkhidmatan di semua lapangan terbang dan pelabuhan <b>dibenarkan</b> beroperasi.</li> <li>Aktiviti pemunggahan melibatkan barangan <i>non-essential</i> di kilang - kilang terhad kepada penghantaran dan penerimaan barangan atau kargo dalam simpanan stok (<i>stockpile</i>) sedia ada dengan tujuan import dan eksport sahaja dengan jumlah pekerja yang terhad. Waktu pemunggahan adalah dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam pada Isnin, Rabu dan Jumaat.</li> <li>Aktiviti pemunggahan melibatkan barangan <i>essential</i> tidak tertakluk kepada sekatan ini dan berjalan seperti biasa.</li> <li>Perkhidmatan pengangkutan awam laut dan darat seperti pengangkutan pekerja, bas henti-henti, bas ekspres, feri dan lain-lain pengangkutan awam <b>dibenarkan</b> beroperasi berdasarkan 50% kapasiti kenderaan (waktu operasi dan frekuensi tertakluk kepada Kementerian Pengangkutan).</li> <li>Pergerakan bagi kes kematian dan bencana alam <b>dibenarkan</b> setelah mendapatkan kebenaran daripada PDRM.</li> <li>Pergerakan bantuan bencana atau kemanusiaan oleh NGO perlu mendapatkan kebenaran dari Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri atau Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah di kawasan yang terjejas dengan bencana dan bantuan tersebut disalurkan melalui Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) di kawasan tersebut.</li> <li>Pergerakan merentas daerah dan negeri bagi tujuan vaksinasi COVID-19 di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di luar daerah atau negeri tempat tinggal <b>dibenarkan</b> dengan menunjukkan butiran janji temu di aplikasi MySejahtera, laman sesawang atau SMS.</li> <li>Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri <b>dibenarkan</b> merentas negeri dan daerah untuk melawat kawasan masing-masing tanpa melaksanakan sebarang majlis.</li> <li>Rentas negeri dan daerah bagi pasangan suami isteri jarak jauh <b>dibenarkan ke/dari negeri-negeri Fasa 2</b> dengan kebenaran PDRM.</li> <li>Pergerakan bagi Pelawat Perniagaan Jangka Pendek di bawah kelulusan <i>Inisiatif One Stop Centre</i> (OSC) untuk tujuan rasmi atau perniagaan <b>dibenarkan</b> setelah mendapat kebenaran PDRM.</li> </ul>